

**INOVASI PENGURUSAN LAMAN SISTEM MYES-CDEC: REKOD PENDUA BAGI
ISU MENDOKUMENTASI FAIL EXPERT SERVICE (ES) DAN ELEMEN TUNJANG
DOKUMEN AUDIT DI CENTRE OF TECHNOLOGY (COT) BIDANG
REKABENTUK KREATIF, MALAYSIA**

**[MANAGEMENT INNOVATION MYES-CDEC SYSTEM: DUPLICATE RECORDS
FOR ISSUES DOCUMENTATION EXPERT SERVICE (ES) FAIL AND CORE
ELEMENTS OF AUDIT DOCUMENTS AT THE CENTER OF TECHNOLOGY
(COT) CREATIVE DESIGN IN MALAYSIA]**

MARIA MOHAMMAD¹

Received Date: 13 March 2020

Accepted Date: 30 March 2020

Abstrak

‘MyES-CDeC’ singkatan bagi ‘My Expert Service Creative Design Centre’. Kajian ini bertujuan mengkaji isu pengurusan mendokumentasi dokumen audit khidmat kepakaran dan elemen tunjang penilaian audit Centre of Technology (COT) di salah sebuah pusat reka bentuk kreatif di Malaysia. ‘Laman sistem MyES-CDeC’ ini mendokumentasi laman sistem yang mewujudkan pangkalan data secara maya yang dapat dicapai daripada alamat url yang dikongsi di mana-mana dan bila-bila masa. Kesan keberkesanan penggunaan Laman Sistem MyEs-CDeC dikaji. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian dijalankan terhadap LAPAN (8) informan yang terlibat dalam pengurusan pusat reka bentuk kreatif. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan analisis tematik berdasarkan transkripsi temu bual, pemerhatian serta dokumen sokongan seperti ‘google form’, minit mesyuarat, sijil, buku panduan serta rakaman visual. Inovasi pengurusan laman sistem dibangunkan berdasarkan Buku Garis Panduan Centre of Technology (COT) Edisi 2020 dan Edisi 2015 serta dokumen kualiti MS ISO:2015 khidmat kepakaran yang didaftarkan. Dapatan kajian mendapati terdapat LIMA (5) isu yang dikenal pasti; pengurus dan pegawai yang sering bertukar, dokumen asal yang sering hilang, pegawai yang berkepentingan mengambil dokumen tanpa menyimpan kembali, dokumen yang hilang perlu dibuat semula dan impak kehilangan dokumen khidmat kepakaran boleh menyebabkan pengiktirafan pusat reka bentuk kreatif ini ditarik semula pengiktirafan oleh COT. Dapatan kajian kedua terdapat TIGA (3) tema yang dikeluarkan dalam kajian ini. Tema dokumentasi menunjukkan informan bersetuju laman sistem ‘MyES-CDeC’ bersifat sistematik dan rekod pendua laman sistem ini dapat menyelamatkan dokumen asal daripada hilang. Tema capaian menunjukkan informan bersetuju laman sistem ini dapat diberikan kepada pihak berkepentingan dengan pantas, mudah, cepat melalui carian data di hujung jari menggunakan capaian pautan <http://edupra.com/escdec/>. Inovasi ini mengurangkan tekanan kepada pengurusan fail, dokumen tidak hilang dan mudah disemak pihak pengurusan dan pihak pelaksana. Inovasi ini juga telah diiktiraf dan berjaya meraih tempat ke tiga pertandingan inovasi National Young POLYCC Entrepreneurs: Lets Make Your Pitch 2020. Pengkaji

¹ Creative Design Centre (CDeC), Politeknik Ibrahim Sultan, Johor, MALAYSIA.

Corresponding Author:

MARIA MOHAMMAD, Creative Design Centre (CDeC), Politeknik Ibrahim Sultan, KM 10 Jalan Kong-Kong, 81700 Pasir Gudang, Johor, MALAYSIA.
E-mail: mariacdecpcis@gmail.com

berharap agar kajian lebih terperinci dapat dijalankan untuk mengkaji tempoh penjimatan sebenar laman sistem ini agar dapat diaplikasi di COT lain di Malaysia juga negara luar..

Kata Kunci: COT-Centre of Technology, CDeC- Creative Design Centre

Abstract

'MyES-CDeC' stands for 'My Expert Service Creative Design Centre'. This study aims to examine the management issues of documenting the audit document of expertise services and the core elements of the audit evaluation of the Center of Technology (COT) in one of the creative design centers at Malaysia. This 'MyES-CDeC system' documents system that creates a virtual database that can be accessed a shared url address anywhere and anytime. The effect of the effectiveness use the 'MyEs-CDeC System' was studied. This study uses a qualitative approach using a case study design. The study was conducted on EIGHT (8) informants involved in the management of creative design center. The findings of the study were analyzed using thematic analysis based on interview transcripts, observations and supporting documents such as 'google form', meeting minutes, certificates, handbooks and visual recordings. System management innovations are developed based on the Center of Technology (COT) Guidebook Book 2020 Edition and 2015 Edition as well as MS ISO: 2015 quality documentation of registered specialist services. The findings of the study found that there are FIVE (5) issues covered; frequently changing managers and officers, frequently lost original documents, interested officers retrieving documents without retrieving, lost documents need to be recreated and the impact of the loss of expertise service documents could result in the recognition of this creative design center being revoked by the COT. The findings of the second study contained THREE (3) themes released in this study. The documentation theme shows that the informant agreed that the 'MyES-CDeC' system site is systematic and the duplicate records of this system can save the original document from being lost. The access theme shows that informants agree that this system can be given to stakeholders quickly, easily, quickly through data search at their fingertips using the link access <http://edupra.com/escdec/>. This innovation reduces the pressure on file management, documents are not lost and easily reviewed by management and implementers. This innovation has also been recognized and successfully won the third place in the National Young POLYCC Entrepreneurs: Lets Make Your Pitch 2020 innovation competition. outside..

Keywords: COT-Centre of Technology, CDeC- Creative Design Centre

Cite This Article:

Maria Mohammad. (2020). Inovasi pengurusan laman sistem MyES-CDeC: Rekod pendua bagi isu mendokumentasi fail Expert Service (ES) dan elemen tunjang dokumen audit di Centre of Technology (COT) Bidang Rekabentuk Kreatif, Malaysia. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 2(1), 55-67.

PENGENALAN

MyES-CDeC adalah satu sistem pengurusan dokumen yang digunakan oleh salah sebuah pusat reka bentuk kreatif di Malaysia. Sistem ini dibangunkan mengikut Buku Garis Panduan *Centre Of Technology (COT)* Edisi 2020 oleh Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Malaysia. Berdasarkan buku garis panduan COT edisi 2020 terdapat (7) TUJUH elemen penilaian bagi melayakan pusat-pusat COT diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan oleh panel profesional hasil audit daripada penilai pusat JPPKK dan panel penilai luar.



Rajah 1: Tujuh Elemen Teras Penilaian Audit Pusat Kecemerlangan Teknologi di Malaysia

Sistem MyES-CDeC ini dilaksanakan adalah bagi mewujudkan pangkalan data berkenaan proses pengurusan elemen Perkhidmatan Kepekaran atau didaftarkan sebagai *Expert service* (ES) dan elemen konsultansi yang dijalankan oleh pakar-pakar bidang reka bentuk kreatif. Pakar-pakar ini terdiri daripada pensyarah serta pelajar daripada Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual, Jabatan Kejuruteraan serta Jabatan Hospitaliti di salah sebuah politeknik di Malaysia. Pusat ini diiktiraf oleh COT Malaysia mempunyai enam disiplin ilmu yang dikategorikan sebagai rekabentuk kreatif iaitu:

- i. Reka Bentuk Grafik
- ii. Reka Bentuk Fesyen
- iii. Reka Bentuk Industri
- iv. Reka Bentuk Media Baharu & komunikasi Visual
- v. Rekabentuk Kreatif bidang Kejuruteraan
- vi. Rekabentuk Kreatif bidang Perhotelan & Hospitaliti

Laman sistem pengurusan MyES-CDeC yang menggunakan sistem pengkalan data, mewujudkan data berkenaan pengurusan perkhidmatan pakar yang mempunyai nombor siri yang didaftarkan di bawah dokumen kualiti nombor siri PLSP-19(1) (18.08.19) dengan siri pendaftaran CDeC-ES/ bulan / tahun (diikuti nombor siri). Inovasi pengurusan sistem ini bertujuan pencarian maklumat projek dengan cepat dan mudah dan pantas bagi pihak yang berkepentingan melalui *Standart Operational Prosedur* (SOP). Laman sistem MyES-CDeC merekodkan secara sistematik bilangan fail mengikut rujukan dokumen kualiti.

Sistem ini akan membantu menyimpan data-data secara sistematik berkenaan maklumat projek-projek konsultansi yang dijalankan oleh pusat (COT) di CDeC. Kaedah manual menyimpan fail berserta dokumen yang mempunyai banyak helaian menjadi isu jika terdapat dokumen yang hilang akibat diambil oleh pihak yang berkepentingan dan tidak dikembalikan semula dalam fail asal. Sistem ini dapat mengatasi dalam kelancaran maklumat projek sehingga selesai.

Penyediaan dokumen bagi tujuan audit APCC, audit PERSIST, audit COT, audit MS-ISO, audit MQA, audit MBOT dan fenomena memerlukan dokumen bukti bagi sesi vadilasi kenaikan pangkat pegawai, menyebabkan banyak pihak berkepentingan yang memerlukan

dokumen MYES-CDeC. Pengambilan dokumen tertentu bagi tujuan disenaraikan di atas, menyebabkan fail asal MyES-CDeC mempunyai risiko kehilangan dokumen-dokumen tertentu. Impak kepada isu kehilangan dokumen asal, pegawai semasa terpaksa menyediakan kembali dokumen yang hilang bagi tujuan pematuhan dokumen audit. Pegawai pusat reka bentuk kreatif amat terkesan dan tertekan dengan isu ini. Adilkah tekanan sebegini sebegini dihadapi?

KAJIAN LITERATUR

Pengurusan sistem kualiti perkhidmatan yang cekap ditadbir urus oleh staf yang berpengalaman, berpengetahuan serta berpengetahuan luas (Romli, Zain, Muda, & Said, 2019). Sistem kualiti perkhidmatan yang cekap, memiliki sistem yang sentiasa ditambahbaik (Nik-wan, 2019). Menurut Yalun dan Du tahun 2019, sistem pengurusan representasi dasar dan kepemimpinan dan yang lebih penting mempamerkan kepemimpinan bimbingan, mengatur serta hala tuju pemerintah.

Centre of Technology (COT) diiktiraf pusat yang mengaplikasikan Model Praktis Industri. Menurut kajian Sari tahun 2019 Presiden ke- 8 LAPAN (8) Indonesia pada tahun 2012 menggariskan Kerangka Kualifikasi Nasional Indonesia. Matlamat pusat Centre of Technology (COT) Model Praktis Industri Pelayaran adalah Kompetensi Lulusan Jurusan Ketatalaksanaan Pelayaran Niaga, Perguruan Tinggi Vokasi Maritim Indonesia yang melestarikan laut sebagai peluang, bukan sebagai masalah (Sari, 2019).

COT diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan dalam disiplin ilmu yang dikenalpasti kelestariannya *Buku Garis Panduan Centre of Teknologi (COT) Edisi 2020*; (2020). Manakala pusat kegiatan seni kreatif telah diakui peranan yang pelbagai dalam menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi individu dan masyarakat dan menjadi rujukan serta pusat perkembangan penyelidikan dan inovasi (Fennessy, 2008). Kepelbagaian dalam amalan pengurusan bagi setiap institusi pengurusan memberi cabaran yang besar dalam pengurusan dokumen tersebut agar terus kekal memberi manfaat sebagai rujukan (Romli et al., 2019)

Ini terjadi apabila pusat seni kreatif berjaya peningkatan pemahaman masyarakat pusat rekabentuk kreatif sebagai pusat yang boleh membantu penyelidikan dan inovasi, pemasaran serta penjana ekonomi industri seni di Kanada (Fennessy, 2008). Menurut Evans tahun 2009 lagi perluasan semantik dan simbolik pusat kreatif didasarkan memelihara industri budaya ditunjukkan promosi ruang kreatif, media digital dan sains, sokongan perusahaan, inisiatif. BANCAN 2006 di Kanada menunjukkan 20 peratus atau jumlah lebih daripada 6 juta masyarakat di Kanada memiliki kepelbagaian budaya dan bangsa lebih daripada 200 negara. Peranan pendatang di pasaran buruh Kanada menjadi semakin penting untuk meningkatkan industri kreatif bagi meningkatkan ekonomi masyarakat (Fennessy, 2008).

Lampel & Germain (2016) membincangkan perbezaan industri kreatif dengan kejuruteraan berbeza proses teras, kemahiran teknikal berdasarkan kiraan yang tepat. Industri kreatif berteras bakat, unik, dan kreatif proses yang subjektif dijelaskan. Sifat industri kreatif berstatus selebriti manakala kreativiti teknikal berkait rapat dengan individu yang dianggap sangat berbakat serta penghasilan produk berfungsi. Ini berlaku semasa gelembung dot.com tahun 1990-an ketika pelabur membeli status selebriti syarikat permulaan berteknologi tinggi. Dasar Eropah, Amerika Utara, Afrika dan Asia Tenggara pusat kreatif meperlihatkan budaya

dan kreatif tempatan dan pusat kreatif bagi wilayah sebagai pusat intervensi dasar dalam bidang awam-swasta (Evans, 2009).

China mendefinisi industri kreatif dengan enam kumpulan. Elemen teras industri kreatif - perisian hiburan, filem dan televisyen, penerbitan muzik, penerbitan buku, audio-visual dan multimedia - telah dikumpulkan sebagai industri hak cipta (Foord, 2009). Di United Kingdom, istilah industri kreatif tahun 1990-an untuk merangkumi ekonomi pengeluaran budaya komersial, aktiviti riadah dan hiburan serta potensi ekonomi dari banyak kegiatan budaya bersubsidi (Foord, 2009). Manakala Jabatan Kebudayaan, Media dan Sukan United Kingdom (DCMS) mendefinisikan kreatif pelbagai aktiviti yang menggabungkan keaslian dan IP dengan keuntungan (DCMS 1998, 2001, 2004). Foord menyatakan tiga belas aktiviti industri kreatif telah menjadi penanda aras untuk mengenal pasti industri kreatif di peringkat antarabangsa dan juga di peringkat serantau, sub-wilayah dan kota di United Kingdom, Eropah dan Asia.

Hong Kong dan Singapura telah meluaskan definisi DCMS, kepentingan tempatan IT dan media digital (Hong Kong) dan seni dan budaya dengan reka bentuk dan media (Singapura) (Foord, 2009). Foord dalam kajian tahun 2009 menyatakan American mendefinisikan industri kreatif sebagai perniagaan bukan untung dan bukan keuntungan. Manakala Bank Dunia bersetuju perisian, multimedia, permainan video, reka bentuk industri, fesyen, penerbitan, dan penyelidikan dan pengembangan (R&D) - semuanya ditentukan oleh proses undang-undang untuk memiliki kandungan kreatif dan IP. Penyataan ini disokong Amerika Serikat, Australia dan Singapura serta China (Foord, 2009).

Menurut Fennessy (2008) dalam penulisan *Valuing Arts and Culture as Cornerstones of the Creative Economy* menyatakan melalui data empirik daripada buku *Compendium of Research Papers The International Forum on the Creative Economy* budaya Kanada merangkumi industri seni dan budaya, menghasilkan banyak sumbangan kepada budaya, sosial, dan ekonomi negara Kanada dipusatkan ke pusat kreatif. Bidang kreatif ditakrifkan kegiatan seni merangkumi bidang tulisan, media, industri filem, penyiaran, muzik, seni persembahan, seni visual, kraf, seni bina, fotografi, reka bentuk, iklan, muzium, galeri seni arkib, pendidikan budaya dan digital interaktif media video digital termasuk audio, animasi, gambar, grafik komputer dan produk seni. Manakala Evans, (2009) mentakrifkan kreatif kerajinan industri ringan dan campuran aktiviti budaya pra-industri seni persembahan dan seni visual, festival, pembuatan kraf dan pereka, dan pekerjaan langsung yang berkaitan, seperti serta aglomerasi industri dan institusi dalam sektor seperti industri kejuruteraan dan media. Bidang pendidikan tinggi dan pembuatan reka bentuk, perabot, fesyen dan tekstil serta media baharu juga dikategorikan kreatif.

Industri kreatif pertama kali digunakan di Australia untuk menandakan hubungan antara aktiviti budaya komersial dan media baru yang muncul yang didorong oleh perubahan teknologi (Foord, 2009). Kajian dan pembangunan inovasi berkonsep digital oleh Halizyanie Binti Kimlin (2019) melalui aplikasi mudah alih mengumpulkan dokumentasi modul, mengumpulkan modul, penulisan proposal dan karya-karya pelajar serta pengurusan projek pelajar Diploma Seni Digital Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dengan Aplikasi pintar Crea8tif.

Aplikasi ini adalah sistem medokumentasikan proses penyediaan portfolio pelajar secara sistematik, mudah dikemaskini dan dipantau dengan mudah pembangunan melalui peranti bergerak seperti telefon pintar, PDA, komputer riba dan komputer. Inovasi ini

memudahkan pelajar mengakses aplikasi tanpa mengira masa dan di mana pun mereka berada (Halizyanie Binti Kimlin, 2019).

Menurut Halizyanie Binti Kimlin dalam penulisan Crea8tif : Aplikasi Pintar Pengurusan Projek Seni Digital tahun 2019 penggunaan teknologi kini telah menjadi keperluan rutin harian manusia. Malah ada antara masyarakat bergantung kepada teknologi bagi kehidupan lebih mudah dan efisien. Kajian *The way from pen and paper to electronic documentation in a German emergency department* oleh Lucas et al., : 2019 membuktikan sistem maklumat jabatan kecemasan elektronik (EDIS) meningkatkan kecepatan menyemak data penilaian statistik rawatan jabatan kecemasan (ED) melalui sistem inovasi EDIS. Sistem EDIS mendokumentasi penilaian pelbagai pusat, projek daftar Jabatan Kecemasan Nasional berdasarkan model sistem Rekod Perubatan Jabatan Kecemasan Jerman (GEDMR) yang diterbitkan oleh Persatuan Interdisipliner Perawatan Intensif dan Kecemasan Jerman sebagai standard dokumentasi untuk pendaftaran data nasional (Lucas et al., 2019).

Impak penggunaan sistem EDIS melalui statistik deskriptif menggunakan ujian Chi-Squared penjimatan masa rawatan, pematuhan dokumentasi dibandingkan dengan menganalisis frekuensi kelompok bidang dokumentasi yang terisi dengan informasi terstruktur (alergi, diagnosis utama, diagnostik, perujuk, status vaksinasi terhadap tetanus, kenderaan pengangkutan, menyampaikan keluhan, dan pembuangan masa rawatan kami menggunakan ujian Kruskal – Wallis kerana pengedaran data yang tidak normal (Kolmogorov – Smirnov $p < 0.001$). Nilai P yang lebih rendah daripada 0.05 dianggap signifikan secara statistik. Untuk ujian pasca-hoc berpasangan, tahap signifikan disesuaikan untuk beberapa ujian menggunakan pembetulan Bonferroni (Lucas et al., 2019)

Perisian dalam pembangunan sistem mendokumentasi bahan memerlukan aturan reka bentuk dan antaramuka yang mesra pengguna berdasarkan kod (Mehrpour, Latoza, & Kindi, 2019). Oleh yang demikian, berdasarkan pembangunan sistem mendokumentasi memerlukan pembangunan reka bentuk serta pengujian bagi fungsi perisian mudah digunakan oleh pengguna dicapai (Mehrpour et al., 2019).

Dua peraturan reka bentuk perlu diaplikasi dalam reka bentuk pembangunan sistem: peraturan reka bentuk yang mempunyai rujukan kelas (Microtasks) dan objek yang mengandungi (Artifact) dan teks yang menjelaskan reka bentuk bagi mempercepatkan konsisten mata pengguna dengan reka bentuk perisian sistem mudah alih pengguna secara aksesif dengan gabungan teks dan ikon infografik yang sistematik (Mehrpour et al., 2019)

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan mengkaji isu pengurusan mendokumentasi dokumen audit khidmat kepakaran dan elemen tunjang penilaian audit Centre of Technology (COT) di salah sebuah pusat reka bentuk kreatif di Malaysia. 'Laman sistem MyES-CDeC' ini mendokumentasi laman sistem yang mewujudkan pengkalan data secara maya yang dapat dicapai daripada alamat url yang dikongsi di mana-mana dan bila-bila masa. Kesan keberkesanan penggunaan Laman Sistem MyEs-CDeC dikaji.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian pendekatan kualitatif dengan menggunakan rekabentuk kajian kes. Metodologi yang digunakan merupakan cara-cara mendapat maklumat yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat penggunaan instrumen yang minimum untuk mencapai matlamat penyelidikan. Proses reka bentuk kajian yang melibatkan empat. Fasa pertama bertujuan mendalami isu dan masalah pengurusan dokumentasi dan pegawai di pusat rekabentuk kreatif di Malaysia.

Fasa ke dua isu pengurusan mendokumentasikan fail-fail khidmat kepakaran dikaji punca daripada informan melalui melalui minit mesyuarat pengurusan pusat rekabentuk kreatif serta temubual bertujuan. Informan terdiri daripada LAPAN (8) pegawai di pusat reka bentuk kreatif. Cadangan membuat fail pendua merekodkan dokumen fail khidmat kepakaran (ES) yang menggunakan dokumen kualiti MS ISO :2015 bagi aktiviti konsultasi yang dikemaskini dalam sistem dicadangkan bagi mengatasi isu kehilangan dokumen bukti atau fail-fail.

Jadual 1: Profil Informan Berdasarkan Jawatan, Jantina, Gred Jawatan, Pengalaman Sebagai Pegawai Pusat Rekabentuk Kreatif

Profil Informan Jawatan	Bil	Jantina	Gred Jawatan	Tahun Pengalaman
Khidmat Kepakaran	1	P	DH 44	9
Pengajaran & Pembelajaran	1	P	DH 48	3
Kolaborasi	1	P	DH 44	3
Setiausha 1	1	P	DH 44	3
Penyelidikan&Inovasi	1	P	DH 41	3
Latihan	1	P	DH 44	4
Penerbitan	1	P	DH 44	1
Setiausha 2	1	P	DH 41	4

Fasa ke tiga melibatkan pembangunan laman sistem MyES-CDeC yang menggunakan model ADDIE. Laman sistem ini dibangunkan menggunakan muka laman sistem ini berkonsepkan mesra pengguna yang mempunyai butang-butang yang dikenal pasti fungsi menggunakan warna koporat pusat reka bentuk kreatif. Laman sistem ini, mendokumentasi pencarian maklumat projek, menyimpan dokumen bukti pelaksanaan, merekod proses

konsultasi yang dibuat salinan daripada dokumen asal ke laman sistem inovasi pengurusan MyES-CDeC. Pembangunan memaparkan bahan bukti proses konsultasi melalui pautan capaian telefon mudah alih yang boleh mendokumentasi pencarian maklumat projek, menyimpan dokumen bukti pelaksanaan, merekod proses konsultasi dan dapat mencetak surat lantikan, semakan rujukan serta semakan dokumen bukti bagi sesebuah projek yang didaftarkan dalam fail khidmat kepakaran

Fasa ke empat pengkaji membuat temubual, pemerhatian serta rakaman visual serta edaran google form bagi mengkaji kesan laman sistem MyEs-CDeC. Kaedah temu bual dan pemerhatian langsung serta rakaman visual digunakan dalam kajian ini. Pemilihan peserta kajian adalah secara pensampelan bertujuan bagi mengatasi isu ini. Data yang bersifat deskriptif dengan maksud data-data penjelasan hasil daripada temu bual dengan pegawai pengurusan pengkaji.



Rajah 2: Empat fasa penyelidikan kajian kes di Pusat Reka bentuk Kreatif di Malaysia

Menurut Othman Lebar (2015), kajian kuantitatif mempunyai batasan, iaitu tidak dapat menyediakan perspektif yang kaya dan terperinci. Ini selaras dengan pandangan Muslih & Gontor (2017) (Tjetjep Rohendi Rohidi, 2011) yang menyatakan bahawa kaedah lain kurang berjaya mencungkil masalah yang rumit dan kompleks secara mendalam. Oleh hal yang demikian, kaedah ini memberi peluang kepada penyelidik untuk meneroka proses dan amalan informan. Kefahaman terhadap fenomena yang dikaji adalah dari interpretasi penyelidik berdasarkan pengalaman dan persepsi penyelidik selama hampir (4) EMPAT tahun terlibat sebagai pegawai dan pengurus di Pusat Reka bentuk Kreatif Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Di dalam kajian ini, lapan orang Informan telah ditemu bual dalam fasa 1. Pemilihan informan dibuat secara random dalam kalangan siswazah pra-diploma seni bina semester 1. Informan dibahagi kepada tiga kategori mengikut bidang iaitu siswazah pra-diploma seni bina, pensyarah kursus dan pihak pengurusan iaitu ketua program. Fenomena sekurang-kurangnya 5 tahun memadai bagi menunjukkan isu ini mempunyai masalah dalam bidang yang dikaji (Chamberlain, 2015).

Jadual 2 Dapatan Kajian Kes Isu Pengurusan Pusat Rekabentuk Kreatif Malaysia

Isu	Isu	Bukti	Metodologi
Dokumentasi	Pengurusan Fail Audit	1.Temubual, 2.Google Form 3.Rakaman Visual	
Dapatan ISU	*Isu Pengurusan	*Google Form *Temubual *Pemerhatian *Buku Garis Panduan COT Edisi 2015&2020	
Impak Keratan Akhbar Astro Awani 21 Februari 2019 Dr Firdaus Abdul Gani, Setiusha Persatuan Psikitri Malaysia (MPA)	*Keratan Akhbar Astro Awani 21 Februari 2019 Dr Firdaus Abdul Gani, Setiusha Persatuan Psikitri Malaysia (MPA)	*Google form * Keratan Akhbar	
			
			


Dapatan kajian 1 dianalisis bagi mengenal pasti masalah pengurusan dokumentasi di salah sebuah Pusat Rekabentuk Kreatif di Malaysia. LIMA (5) isu yang dikenaplasti pengurus dan pegawai yang sering bertukar, dokumen asal yang sering hilang, pegawai yang berkepentingan mengambil dokumen tanpa menyimpan kembali, dokumen yang hilang perlu dibuat semula dan impak kehilangan dokumen khidmat kepakaran boleh menyebabkan pengiktirafan ditarik semula oleh COT. Analisis daripada Jadual 2 menunjukkan situasi pertukaran LIMA (5) pengurus di Pusat Rekabentuk Kreatif Malaysia sejak penubuhan tahun 2011 hingga tahun 2020 menyebabkan dokumen-dokumen audit kurang pantauan.

Faktor pegawai yang sering berpindah, turut menyumbang kepada kehilangan dokumen asal. Penyediaan dokumen bukti bagi tujuan audit APCC, audit PERSIST, audit COT, audit MS-ISO, audit MQA, audit MBOT di institusi menyebabkan isu ini perlu satu proses penambah baikkan. Fenomena memerlukan dokumen bukti bagi sesi vadilasi kenaikan pangkat dalam sistem, antara faktor lain menyebabkan banyak pihak berkepentingan yang memerlukan dokumen khidmat kepakaran ini. Pengambilan dokumen tertentu bagi tujuan disenaraikan di atas, menyebabkan fail asal MYES-CDeC berisiko hilang dokumen-dokumen tertentu. Impak isu ini, menyebabkan pegawai semasa terpaksa menyediakan kembali dokumen bagi tujuan pematuhan dokumen audit. Kesan tertekan dengan isu ini menyebabkan portfolio pegawai di Pusat Rekabentuk Kreatif, kurang diminati walaupun banyak kemudahan dan pengalaman yang boleh diteroka oleh wargannya. Isu pegawai yang sering tertekan adalah antara dapatan kajian yang memberi impak dalam pengurusan dokumen di pusat ini.

Impak daripada inovasi ini, pegawai dapat menjimatkan masa dan tenaga dalam pencarian dokumen sekurang-kurangnya satu jam kerana dokumen tersebut terletak di bilik dokumen yang dikawal oleh pihak pengurusan. Ini bagi tujuan keselamatan dokumen. Namun sikap itegriti oleh pihak berkepentingan amat diperlukan bagi menjamin keselatan dokumen ini agar tidak hilang.

Jadual 3 Analisis fenomenologi pengurusan laman sistem MyES-CDeC

Tema hasil temubual	Sumbangan		
	Analisis tematik	Metodologi	Apakah cadangan penambah baikkan
Dokumentasi	Sistematik, selamat	1.Temubual, 2.Google Form 3.Rakaman Visual	*Tugas khas kemaskini data laman sistem diberikan kepada setiusha 2 agar dikemaskini.
Capaian http://edupra.com/escdec/	Pantas,mudah, cepat,di hujung jari,senang	Carta cadangan Lukisan Kajian AGPD hibrid 'art'model	Pemurnian capaian laman sistem agar mesra pengguna
Impak	Jimat masa,mengurangkan tekanan kepada	*Google form	Kemaskini dipantau oleh pengurusan

Tema hasil temubual	Sumbangan		
	Analisis tematik	Metodologi	Apakah cadangan penambahbaikan
	<p>staf,tidak penat,dokumen tidak hilang,mudah disemak pihak pengurusan,pihak perlaksana, Tempat ke tiga pertandinagn inovasi National Young POLYCC Entrepreneurs: Lets Make Your Pitch 2020</p>	<p>* Rakaman video *Rakaman visual</p>	<p>tertinggi pusat rekabentuk kreatif. *Mendaftarkan sistem laman ini dalam dokumen pengurusan risiko.</p>

Dapatan jadual 2 dianalisis berdasarkan data yang diperolehi. Terdapat TIGA (3) tema yang dikeluarkan dalam kajian ini. Tema dokumentasi menunjukkan informan bersetuju laman sistem MyES-CDeC bersifat sistematik dan selamat daripada dokumen asal diberikan kepada pihak berkepentingan. Tema capaian menunjukkan informan bersetuju laman sistem ini pantas dicapai, mudah kepada pengurusan Pusat Rekabentuk Kreatif, mencepatkan carian dengan data di hujung jari dengan capaian pautan <http://edupra.com/escdec/> Impak daripada inovasi ini, pegawai dapat menjimatkan masa dan tenaga dalam pencarian dokumen dan boleh dikongsi melalui perkongsian pautan laman sistem MyES-CDeC. Inovasi ini mengurangkan tekanan kepada pengurusan fail, dokumen tidak hilang dan mudah disemak pihak pengurusan,pihak perlaksana. Inovasi ini juga telah diiktiraf dan berjaya meraih tempat ke tiga pertandinagn inovasi National Young POLYCC Entrepreneurs: Lets Make Your Pitch 2020

KESIMPULAN

Hasil penyelidikan pengkaji mendapati isu pengurusan dokumentasi di salah sebuah Pusat Rekabentuk Kreatif di Malaysia disebabkan LIMA (5) faktor sejak tahun 2011 hingga tahun 2020. Faktor pegawai yang sering berpindah, turut menyumbang kepada kehilangan dokumen asal. Penyediaan dokumen bukti bagi tujuan audit APCC, audit PERSIST, audit COT, audit MS-ISO, audit MQA, audit MBOT di institusi menyebabkan isu ini perlu satu proses penambahbaikan. Pengambilan dokumen tertentu bagi tujuan disenaraikan di atas, menyebabkan fail asal MYES-CDeC berisiko kehilangan dokumen-dokumen tertentu. Impak isu ini, menyebabkan pegawai semasa terpaksa menyediakan kembali dokumen bagi tujuan pematuhan dokumen audit. Kesan tertekan dengan isu ini menyebabkan portfolio pegawai di salah sebuah Pusat Rekabentuk Kreatif di Malaysia, kurang diminati walaupun banyak kemudahan dan pengalaman yang boleh diteroka oleh warganya.

Adilakah tekanan pengurusan dokumen bagi tujuan audit sentiasa dihadapi oleh pegawai di salah sebuah Pusat Rekabentuk Kreatif di Malaysia? Pengurusan yang efektif, cekap dan sistematik mampu memberi impak yang positif kepada prestasi sesebuah institusi pengurusan (Romli et al., 2019).

Inovasi pengurusan merekodkan dokumen fail khidmat kepakaran MyES-CDeC adalah perkhidmatan laman sistem bertujuan mewujudkan pengkalan data yang mendokumentasi, pencarian maklumat projek dengan cepat dan mudah, mencetak surat lantikan, rujukan serta dokumen bukti bagi aktiviti Expert Service(ES) pengurusan pusat rekabentuk kreatif ini. Inovasi pengurusan laman sistem ini mengatasi isu kehilangan dokumen, memudahkan pihak berkepentingan menyemak dokumen ES CDeC dengan capaian akses melalui aplikasi mudah alih dan dikomputer pada pautan <http://edupra.com/escdec/> pada bila-bila masa dan dimana-mana juga. MYES-CDeC dibangunkan mengikut Buku Garis Panduan COT Edisi 2015 dan Edisi 2020 serta dokumen MS-ISO PLSP 06.

Sistem MYES-CDeC dibangunkan bagi mengatasi isu kehilangan dokumen, memudahkan pihak berkepentingan menyemak dokumen ES CDeC dengan capaian akses melalui aplikasi mudah alih dan dikomputer pada pautan <http://edupra.com/escdec/> pada bila-bila masa dan dimana-mana juga. MYES-CDeC dibangunkan mengikut garis panduan buku COT Edisi 2015 dan Edisi 2020 serta dokumen MS-ISO PLSP 06.

PENGHARGAAN / ACKNOWLEDGMENT

Kajian ini merujuk kepada TIGA (3) buku yang diterbitkan oleh COT iaitu Buku Garis Panduan Centre of Technology (COT) Edisi 2015, buku *My COT Centre of Technology Polytechnic Malaysia* (Edisi 1) pada tahun 2017 dan buku Garis Panduan Pelaksanaan *Centre Of Technology* (COT) Edisi 2020 yang menjadi rujukan utama. Penghargaan terima kasih pengkaji kepada informan, pegawai pusat rekabentuk kreatif, pelajar praktikal dalam bidang Teknologi Maklumat serta pihak pengurusan di institusi kajian.

RUJUKAN

- Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia, (2015). *Buku Garis Panduan Centre of Technology* (COT) Edisi 2015 (Edisi 1). Pasir Gudang, Johor: Creative Design Centre (CDeC).
- Chamberlain, R. (2015). The Grimace of Ambiguity : Unambiguity and the Critics. *Linguistics and Literature Studies*, 3(1), 1–10. <https://doi.org/10.13189/lis.2015.030101>
- Evans, G. (2009). Creative Cities, Creative Spaces and Urban Policy. In *Urban Studies* (<http://www>, Vol. 46). <https://doi.org/10.1177/0042098009103853>
- Fennessy, B. (2008). Valuing Arts and Culture as Cornerstones of the Creative Economy. In T. C. B. of Canada (Ed.), *Compendium of Research Papers The International Forum on the Creative Economy* (Compendium, pp. 1–8). Canada: Incorporated as AERIC Inc.
- Foord, J. (2009). Strategies for Creative Industries: An International Review. *Creative Industries Journal*, 1(2), 91–113. https://doi.org/10.1386/cij.1.2.91_1
- Halizayanie Binti Kimlin, S. I. B. I. (2019). Crea8tif : Aplikasi Pintar Pengurusan Projek Seni Digital. *Journal on Technical and Vocational Education (JTVE)*, Vol 4 No 3:Special Edition NASCO (2019), 4(3), 19–28.

- Lampel, J., & Germain, O. (2016). Creative Industries as Hubs of New Organizational and Business Practices. *Journal of Business Research*, 69(7), 2327–2333. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2015.10.001>
- Lucas, B., Schladitz, P., Schirrmeister, W., Pliske, G., Walcher, F., Kulla, M., & Brammen, D. (2019). The Way from Pen and Paper to Electronic Documentation in a German Emergency Department. *BMC Health Services Research*, 19(1), 1–8. <https://doi.org/10.1186/s12913-019-4400-y>
- Malaysia, J. P. P. K. P. (2015). *Garis Panduan Pelaksanaan Centre of Technology Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia Edisi 2015* (Cetakan Pe). Putrajaya: Inspirecom.
- Mehrpour, S., Latoza, T. D., & Kindi, R. K. (2019). Active Documentation: Helping Developers Follow Design Decisions. *Proceedings of IEEE Symposium on Visual Languages and Human-Centric Computing, VL/HCC*, 2019-October, 87–96. <https://doi.org/10.1109/VLHCC.2019.8818816>
- Muslih, M., & Gontor, U. D. (2017). Rekonstruksi Metodologi Pengembangan Sains Berbasis Agama A . Pendahuluan Ada yang tertinggal dari gegap gempitanya wacana integrasi keilmuan satu atau dua dasawarsa belakangan ini , yaitu penglihatan dari sudut pandang Filsafat Ilmu . *Isu integrasi keilm.* 11, 267–298.
- Nik-wan, N. Z. (2019). Sistem Pencarian Pakar oleh Unit Pengurusan Kualiti UiTM Cawangan Kelantan. *KILIEx 2019*, 2019(KILIEx), 62–63. Retrieved from <http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/30831>
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode* (Cetakan Ke). Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim Perak.
- Romli, S., Zain, M. N. M., Muda, M. Z., & Said, N. L. M. (2019). Pendekatan Semasa Institusi Pengurusan Wakaf Dalam Membangunkan Semula Tanah Wakaf Di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 2(1), 66–79. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Sari, D. I. (2019). Centre of Technology sebagai Model Praktis Industri Pelayaran untuk Kompetensi Lulusan Jurusan Ketatalaksanaan Pelayaran Niaga pada Perguruan Tinggi Vokasi Maritim di Indonesia. *Proceeding of 10th Industrial Research Workshop and National Seminar*, Vol 10 No(Polban), 1257–1263. <https://doi.org/https://doi.org/10.35313/irwns.v10i1.1405>
- Supaat Zakaria, Chong Chee Guan, Nor Sham Hasan, Maria Mohammad, Wan Mohd Naquib Wan Abd Rahman, Azhary Yahya, Faezah Yahya, Md.Razak Daud, Surina Nordin, Isham Shah Hassan, S. M. R. (2020). *Garis Panduan Pelaksanaan Centre Of Technology Edisi 2020*, Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia (Edisi 2); Pasir Gudang,Johor.
- Tjetjep Rohendi Rohidi. (2011). *Metodologi Penelitian* (Pertama). Semarang, Indonesia: Penerbit Cipta Prima Nusantara Serang,CV. Perum green Village Kav.115,Ngijo,Gunungpati,Semarang Jawa Tengah,Indonesia.
- Yalun, A., & Du, C. (2019). The Development of Educational Administration System in China. *International Education Studies*, 12(2), 25. <https://doi.org/10.5539/ies.v12n2p25>
- Zakiman Zali, Saw Chu Lin, Nor Sham Hasan, Nurul Aini Mohd Ahyan, W. M. N. B. W. A. R. (2017). *My COT Centre of Technology Polytechnic Malaysia* (Edisi 1). Pasir Gudang,Johor: Creative Design Centre (CDeC).